

**SYARAT-SYARAT  
PERTANDINGAN PENULISAN ESEI DAN SAJAK  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
2017**

**1.0 KRITERIA-KRITERIA PERTANDINGAN**

- 1.1 Penyertaan adalah berbentuk esei dan sajak.
- 1.2 Pertandingan penulisan esei dan sajak dilaksanakan secara individu.
- 1.3 Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja.
- 1.4 Tema esei adalah berkaitan dengan **PERANGI DADAH** .
- 1.5 Esei dan sajak hendaklah ditulis dalam **Bahasa Melayu**.
- 1.6 Sumber rujukan (Bibliografi) penulisan esei hendaklah diletakkan pada muka surat terakhir esei.
- 1.7 Panjang esei hendaklah 800 – 1500 perkataan dan jumlah perkataan mestilah dicatat dengan tepat pada penghujung esei. Panjang sajak pula tidak melebihi 30 bait.
- 1.8 Esei dan sajak hendaklah ditaip di atas kertas A4 dalam jarak **langkau dua (double spacing)** menggunakan huruf **Times New Roman (Font 12)** dan dicetak pada sebelah muka surat setiap helaian.
- 1.9 Setiap esei dan sajak hendaklah merupakan hasil penulisan asli, idea sendiri dan belum pernah disiarkan oleh mana-mana bahan bercetak. Karya ciplak, plagiat atau terjemahan tidak akan diterima.
- 1.10 Setiap esei dan sajak yang dihantar tidak akan dikembalikan kepada penulis dan pihak penganjur berhak untuk mencetak dan menerbitkan esei-esei dan sajak-sajak yang memenangi pertandingan ini.
- 1.11 Semua penyertaan mestilah disertakan dengan borang penyertaan yang lengkap dan ditandatangani oleh peserta. Pihak penganjur berhak menolak penyertaan yang tidak menepati syarat-syarat pertandingan.
- 1.12 Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, tersilap hantar atau penyertaan yang hilang. Bukti penyertaan atau pengeposan tidak diterima sebagai bukti penyertaan.
- 1.13 Keputusan panel hakim adalah muktamad.
- 1.14 Karya yang dihantar tidak akan diserahkan semula kepada peserta.

## **2.0 PENYERTAAN**

- 2.1 Penyertaan hanya terbuka kepada warga Universiti Putra Malaysia yakni pelajar dan staf sahaja.
- 2.2 Penyertaan adalah percuma. Setiap penyertaan mestilah menggunakan borang penyertaan rasmi. Borang penyertaan boleh didapati di Pejabat Am PTJ masing-masing atau di laman web UPM Press ([www.penerbit.upm.edu.my](http://www.penerbit.upm.edu.my))
- 2.3 Urus setia tidak bertanggungjawab di atas kehilangan atau kerosakan naskhah yang dihantar.
- 2.4 Tarikh tutup penyertaan pertandingan adalah pada **22 Mei 2017 (Isnin)**.
- 2.5 Keputusan Panel Hakim adalah muktamad.
- 2.6 Esei dan sajak hendaklah dihantar bersama borang penyertaan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan melalui pos atau serahan tangan kepada:

**Urus setia Pertandingan Penulisan Esei dan Sajak 2017,  
Penerbit UPM  
Universiti Putra Malaysia,  
43400 Serdang,  
Selangor.**

## **3.0 HADIAH PERTANDINGAN (setiap kategori)**

Pertama : RM 300.00 + buku

Kedua : RM 200.00+ buku

Ketiga : RM 100.00 + buku

Saguhati: 10 penyertaan yang mendpt penilaian tertinggi berikutnya.

Setiap peserta akan menerima sijil penyertaan.

## **4.0 PERTANYAAN**

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi urus setia pertandingan:

Urus setia Pertandingan Penulisan Esei dan Sajak 2017,  
Penerbit UPM  
Universiti Putra Malaysia,  
43400 Serdang,  
Selangor.

Tel. : 03-89468429 (Ain/Hadrami)

03-89468851 (Diey Hasan)

E-mel : [rusdy@upm.edu.my](mailto:rusdy@upm.edu.my)

**BORANG PENYERTAAN**  
**PERTANDINGAN PENULISAN ESEI DAN SAJAK**  
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**  
**2017**

**NAMA** : \_\_\_\_\_

**NO. I/C** : \_\_\_\_\_

**UMUR** : \_\_\_\_\_

**ALAMAT PTJ** : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

**NO. TELEFON PEJABAT** : \_\_\_\_\_

**NO. TELEFON BIMBIT** : \_\_\_\_\_

**ALAMAT E-MEL** : \_\_\_\_\_

**PENGESAHAN PENYERTAAN:**

\_\_\_\_\_  
Tandatangan

\_\_\_\_\_  
Tarikh

**PENGESAHAN KETUA JABATAN:**

Saya mengesahkan bahawa segala butiran adalah benar. Saya juga mengesahkan bahawa esei atau sajak yang disertakan dengan borang ini adalah karya asli dan pihak penganjur berhak menarik balik penyertaan sekiranya maklumat yang diberikan palsu.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Ketua Jabatan dan Cap Rasmi

\_\_\_\_\_  
Tarikh